

13/06/2003

Puas mungkin ditutup: MB

Fazallah Pit; Nazura Ngah

SHAH ALAM: Perbadanan Urus Air Selangor (Puas) mungkin ditutup atau menjadi syarikat yang menjalankan penyelenggaraan aset sumber air apabila

Kerajaan Pusat mengambil alih pengurusan air.

Sehubungan itu, Puas mungkin dibubarkan jika ia tidak dapat mencari kegiatan teras perniagaan lain.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata bagaimanapun Puas mempunyai pilihan untuk tidak dibubarkan jika mengambilalih tanggungjawab memelihara hak dan harta milik kerajaan negeri

seperti empangan air, tanah, bangunan atau berkecimpung dalam perniagaan yang berkaitan air.

"Puas ada beberapa peluang. Ia boleh dibubarkan atau dipertanggungjawabkan untuk menjaga hak kerajaan negeri ke atas empangan dan harta lain atau mulakan perniagaan baru yang ada hubung kait dengan air," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Menteri Besar Bersama Pegawai Kerajaan, di sini semalam.

Puas, anak syarikat milik penuh kerajaan negeri, ditubuhkan hasil pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS) pada Mac tahun lalu. Sebelum pengkorporatan itu, JBAS menyediakan perkhidmatan bekalan air ke seluruh Lembah Klang sejak 30 tahun.

Dr Mohamad Khir berkata, Selangor sudah sekian lama mahu menswastakan pengurusan airnya, yang mana urusan penswastaaan air tertakluk kepada nasihat dan panduan Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, beberapa syarikat akan berunding dengan Kerajaan Pusat untuk projek penswastaaan air di negeri itu dan pemilihan syarikat akan dilakukan Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, Kerajaan Pusat mungkin mengambilalih tanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan bekalan air bersih berikutan ketidakupayaan kerajaan negeri membiayai kos pembangunan prasarana itu yang menelan belanja yang tinggi.

Kebanyakan kerajaan negeri ketika ini menghadapi masalah membiayai peningkatan sistem pengagihan dan pembersihan air termasuk penggantian paip berikutan kos yang mencecah berbilion ringgit.

Kebanyakan kerajaan negeri mendapatkan pinjaman dari Kerajaan Pusat bagi melaksanakan projek itu tetapi tidak membayar semula pinjaman itu. Dilaporkan juga kos menggantikan paip lama di Lembah Klang mencecah RM1 bilion.

Di BUKIT MERTAJAM, Kerajaan Pulau Pinang juga menyokong cadangan supaya pembangunan dan penyediaan bekalan air bersih diserahkan kepada Kerajaan Pusat menerusi satu sistem bersepadu pengurusan air.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata beliau yakin menerusi sistem bersepadu itu pengurusan sumber air di Semenanjung dapat dibuat secara lebih berkesan.

Beliau berkata, kerajaan negeri itu juga mendapat pinjaman ratusan juta ringgit daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek bekalan air seperti membina empangan, loji rawatan air dan sistem berkaitan.

"Bagaimanapun, selama ini kerajaan negeri membuat bayaran yang pada amnya mengikut jadual. Walaupun tidak banyak yang tertunggak tetapi akhirnya bayar," katanya.

Di DUNGUN, Kerajaan Pas Terengganu tidak berhasrat menyerahkan tanggungjawab pembangunan dan penyediaan kemudahan pembekalan air bersih kepada Kerajaan Pusat kerana mendakwa air sebahagian hasil negeri.

Sebaliknya, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan, Infrastruktur, Kemudahan Awam Negeri dan Komunikasi negeri, Yahaya Ali, meminta Kerajaan Pusat bekerjasama menyediakan peruntukan kewangan kepada negeri supaya pembangunan air boleh dibuat bagi tempoh jangka panjang.

Beliau berkata, mekanisme pengurusan dan pembangunan bekalan air yang sedia ada, boleh diteruskan tanpa memerlukan campur tangan Kerajaan Pusat.